

MAKLUMAT INOVASI 2016

Nama Ketua Kumpulan :	DR. AZIAH BT. ABDUL AZIZ
Jawatan dan Gred :	PEGAWAI VETERINAR G52 (M)
Alamat	Seksyen Pemakanan Haiwan Bahagian Pembangunan Sumber Teknologi Ternakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Wisma Tani, Blok Podium Aras 2, Lot 4G1, ,Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62630 PUTRAJAYA, Malaysia.
No. Telefon	03-88702210
No Faks	03-88885631
E-mail	aziah@dvs.gov.my
Senarai Ahli Kumpulan,Jawatan dan Gred:	
<ol style="list-style-type: none">1. Dr Noorazrena bt Abd Aziz - Pegawai Veterinar G44 2. Dr Wan Aini bt Wan Mahamood - Pegawai Veterinar G41 3. Dr Ana Maria bt Abd Rahim - Pegawai Veterinar G41	

Tajuk inovasi
Carta alir penguatkuasaan bersepadu antara agensi kerajaan berkaitan pengimportan Makanan Haiwan dan Bahan Tambahan Makanan Haiwan.

Ringkasan Inovasi

Akta Makanan Haiwan 2009 menubuhkan Lembaga Makanan Haiwan untuk mengawal selia kualiti dan keselamatan makanan haiwan dengan mengawal pengimportan, pembuatan, penjualan dan penggunaan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan.

Tiada seseorang pun boleh mengimport apa-apa makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan tanpa memiliki lesen yang sah dibawah akta ini.

Makanan Haiwan yang dimaksudkan dalam akta ini adalah makanan bagi haiwan mamalia selain manusia, akuatik termasuk ikan , moluska dan krustasea, amfibia, reptilia, burung termasuk ayam, itik, burung puyuh dan serangga. Oleh itu agensi yang terlibat didalam pengawalan pengimportan makanan haiwan-haiwan ini adalah DVS, DOA, LKIM dan MAQIS.

Carta alir menunjukkan keperluan lesen dan permit oleh agensi berkaitan, telah diujudkan dan dipamerkan di website DVS. Selain itu carta alir ini dibuat dalam bentuk poster bersaiz 73cm x 48cm , diedarkan di pintu-pintu masuk pelabuhan dan di Jabatan-Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri.

Latarbelakang

Pegawai di Seksyen Pemakanan Haiwan (SPH)(urusetia Lembaga Makanan Haiwan) sering mendapat aduan daripada pengimport melalui e-mail, talipon dan datang sendiri ke kaunter mengenai makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang diimport sering ditahan di pintu masuk. Menurut kefahaman mereka, lesen mengimport ini sahaja sudah mencukupi untuk mengimport makanan haiwan tanpa menyedari bahawa permit import/lesen lain juga diperlukan daripada agensi lain yang berkaitan. Disebabkan kekeliruan ini pengimport terpaksa membayar kompaun dan kos tahanan digudang sementara menunggu permit/lesen berkaitan dikeluarkan.

Terdapat juga pengimport yang masih tidak tahu mengenai permit import/lesen yang perlu ada dan agensi yang mengeluarkannya sebelum mengimport makanan haiwan.

Disebabkan hal-hal ini pegawai di SPH sering menerima tekanan dan

desakan yang bertalu-lalu walaupun pada hari cuti daripada pengimport mengenai produk yang ditahan walaupun ada lesen import dari DVS. Tetapi sebenarnya mereka tiada permit import/lesen dari agensi lain yang berkaitan.

Berdasarkan isu ini, Seksyen ini telah mengambil inisiatif mengadakan perbincangan dengan agensi berkaitan, maka terhasilnya carta alir ini.

Penjelasan inovasi

Membangunkan carta alir bagi menyelaraskan keseluruhan proses pengimportan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan mengikut empat kategori yang berbeza iaitu berdasarkan haiwan kecuali ikan, mengandungi biologi (yis, enzim, probiotik, vaksin dan hormon), mengandungi ikan, tumbuh-tumbuhan dan lain-lain (selain kategori yang dinyatakan sebelum ini). Carta alir ini bertujuan memberi gambaran yang jelas ke atas proses pengimportan dan keperluan pelesenan dan permit mengimport makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan

Carta alir dilampikan.

Faedah inovasi

1. Pengimport lebih jelas mengenai agensi yang terlibat bagi sesuatu item yang diimport.
2. Tiada aduan daripada pengimport mengenai produk makanan haiwan ditahan disebabkan tiada lesen dan permit.
3. Pengimport tidak perlu membayar kos kerugian (kompaun dan sewa tapak) kerana tiada lesen dan permit akibat keliru dengan perkhidmatan kerajaan yang tidak jelas.
4. Pegawai SPH dapat menjalankan tanggongjawab dengan lebih gembira dan kurang tekanan.
5. Perkhidmatan jabatan lebih cekap dan dipandang tinggi oleh pengimport.
6. DVS, DOA, MAQIS dan LKIM dapat menjalankan tugas dengan lebih jelas.